

Awek bomba curi perhatian

Aksi sedang padamkan api jadi tular di laman sosial

SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN - Aksi dua anggota bomba wanita yang terlibat dalam operasi memadam kebakaran di Pasar Besar Seremban, Sabtu lalu, menarik perhatian ramai apabila gambar mereka menjadi tular di laman sosial.

Nor Maisarah Ibrahim, 27, dan Siti Norhaliza Zakaria, 19, yang sedang mengangkat peralatan memadam kebakaran telah dirakam individu sebelum dimuat naik di Facebook.

Mereka antara 40 pegawai dan anggota yang bertungkus lumus memadam kebakaran di pasar terbabit, dikatakan kejadian paling buruk berlaku melibatkan pasar yang wujud sejak 1975 itu.

Meskipun bertubuh kecil, namun gadis ayu ini yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Seremban membuktikan yang mereka bukan calang-calang orang.

Menurut Nor Maisarah, dia hanya mengetahui gambarnya tular selepas seorang rakan berkongsi mengenainya di aplikasi WhatsApp, semalam.

"Saya tak perasan pun ada yang ambil gambar kerana tengah fokus bertugas bersama anggota lain. Lagipun ketika itu keadaan gelap dan orang agak ramai.



Nor Maisarah (kanan) dan Siti Norhaliza yang menjadi tular dalam laman Facebook.

INFO Kedua-dua merupakan antara 40 anggota bomba terlibat memadam kebakaran di Pasar Besar Seremban, Sabtu lalu

"Saya memang dah biasa buat aktiviti lasak kerana minat kepada cabaran dan sukan lasak sejak dari sekolah. Sebelum ini, saya bertugas sebagai jururawat tetapi menukar kerjaya sebagai anggota bomba kerana minat," katanya.

Menurutnya, dia sebelum ini menjalani latihan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu selama empat bulan dan bertugas di Perak selama sebulan

sebelum ditukarkan ke Seremban pada Mei lalu.

Sementara itu, Siti Norhaliza pula mengakui pada mulanya dia malu apabila mengetahui gambarnya tular di laman sosial tetapi tidak menyangka ramai yang memberi sokongan moral untuknya terus berkhidmat dalam pasukan beruniform itu.

"Saya tak pernah fikir pun nak jadi bomba dan tak minat pun. Tapi selepas cuba menyertai pasukan ini, rasa teruja dengan kerjaya ini timbul.

"Malah, saya rasa bangga kerana sebagai seorang wanita, saya mampu bekerja dalam bidang yang ramai kaum lelaki. Bagi saya kerjaya bomba telah mendidik diri menjadi lebih berdisiplin," katanya.



Aksi kedua-dua anggota bomba wanita berkenaan ternyata menarik perhatian ramai.